

Pastikan ada pembeli

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

JIKA diberi peluang, ramai di kalangan kita sebenarnya yang sangat berminat untuk menceburi bidang perniagaan.

Sama ada berniaga secara sampingan atau menjadikannya sebagai sumber utama rezeki, cabang perniagaan jika bijak diusahakan menjanjikan pendapatan berlipat kali ganda daripada bekerja makan gaji.

Namun disebabkan beberapa keangan, tidak ramai yang berpeluang untuk menguruskan perniagaan sendiri dan situasi itu lebih dirasai di kalangan mereka yang sudah sedia berkerjaya dan golongan berpendapatan rendah meskipun semangat untuk berniaga itu sangat tinggi.

Modal yang terhad, peluang perniagaan yang terbatas, proses permohonan lesen perniagaan yang agak remeh dan masa yang tidak mengizinkan terutama-

tamanya selepas waktu pejabat atau sebelah malam mengikut kesesuaian.

"Lebih-lebih lagi bagi mereka yang bekerja di bandar-bandar besar seperti di Lembah Klang, peluang menambah pendapatan sampingan dengan berniaga ini sekurang-kurangnya dapat menyokong kos sara hidup dan secara tidak langsung mengurangkan desakan terhadap kerajaan untuk menaikkan gaji," katanya.

Menambah baik kepada pemberian permit perniagaan itu, Nassrul Hakim turut mencadangkan, ia disokong dengan skim pinjaman yang menarik dan bersifat mempermudah orang ramai mendapatkan modal untuk memulakan perniagaan.

Pinjaman yang disediakan menerusi agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Yayasan Tekun Nasional (Tekun) itu misalnya, perlu dirangka bermatlamat untuk membantu dan menggalakkan golongan berpendapatan rendah menceburi bidang keusahawanan.



KECAIRAN wang di kalangan orang ramai menjadi faktor utama kepada aktiviti perniagaan yang positif dan menguntungkan.

nya di kalangan penjawat awam misalnya, adalah antara alasan biasa yang menghalang usaha memulakan perniagaan sendiri sekali pun secara kecil-kecilan.

Justeru, apabila kerajaan tampil dengan langkah yang mempermudah orang ramai untuk berniaga iaitu dengan menyediakan permit perniagaan kecil untuk golongan berpendapatan rendah dan kakitangan awam, ia pastinya disambut dengan semangat yang tinggi di kalangan orang ramai yang selama ini menyimpan hasrat untuk berniaga.

Permit yang melibatkan perniagaan dan penjaja kecil seperti pasar tani, pasar malam dan kawasan perumahan yang bersesuaian itu juga dilihat sangat tepat dalam membantu rakyat kelas sederhana menambah pendapatan.

Selain tidak memerlukan modal yang tinggi, kadar keuntungannya juga sesuai dengan keperluan semasa golongan sederhana tersebut selain risiko perniagaan yang agak rendah.

Menilai langkah kerajaan itu sebagai rangsangan kepada orang ramai untuk memulakan perniagaan sendiri, pensyarah Pengurusan Perniagaan, Kolej Profesional Mara, Indera Mahkota, Kuantan, Nassrul Hakim Md. Jani menambah, ia juga membuka ruang berniaga yang lebih luas terutamanya di kalangan kakitangan awam.

Kumpulan sokongan itu terutamanya yang berpendapatan sederhana jelas beliau, boleh menambah pendapatan dengan berniaga secara kecil-kecilan teru-

tu. Ia termasuk bebas daripada pelbagai kos dan caj sampingan, kadar faedah yang tidak terlalu tinggi dan tempoh pembayaran balik yang fleksibel serta tidak membebankan peminjam.

Menggalakkan

Namun, dalam menggalakkan orang ramai berniaga, timbul pula persoalan bersedikah orang kita berbelanja?

Dalam berdepan dengan kos sara hidup yang tinggi ekoran kenaikan harga petrol, barang makanan dan perkhidmatan, rakyat kebanyakan sebenarnya lebih selesa untuk berjamat-bermat, seiring dengan saranan kerajaan untuk rakyat berubah cara hidup.

Malah jika diperhatikan kepada persekitaran ekonomi ketika ini, sektor perniagaan juga tumbuh perlahan dan bergerak agak lembap kerana kurangnya permintaan di pasaran.

Ini menimbulkan kebimbangan sejauh mana pemberian permit untuk memudahkan orang ramai berniaga itu benar-benar mampu menjana pendapatan sampingan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah.

Sebaliknya jika silap percaturan, perniagaan yang cuba diusahakan boleh lingkup kerana tiadanya permintaan.

Lebih malang apabila terdapat golongan berpendapatan sederhana itu pula terpaksa menanggung beban pinjaman yang mungkin dimohon untuk digunakan sebagai modal perniagaan.

Apa yang sewajarnya menjadi tumpuan kerajaan ketika ini ialah meningkatkan aliran tunai di kalangan rakyat seterusnya mengembalikan semula kuasa membeli

Melihat kemungkinan itu, Pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Segamat, Ahmad Kamil Mohamed berkata, pemberian permit bagi menggalakkan orang ramai berniaga itu bukanlah sesuatu yang mustahil akan berakhir sebagai langkah yang sia-sia serta tidak membantu meningkatkan pendapatan dalam jangka masa yang panjang.

Sektor perniagaan kecil-kecilan seperti di pasar-pasar atau gerai makanan ketika ini ujar beliau, tidak begitu menguntungkan kerana faktor harga barangan terutamanya makanan yang semakin mahal.

Malah, terdapat peniaga sedia ada yang berdepan dengan risiko kerugian dan terpaksa gulung tikar kerana kekurangan pelanggan.

“Keadaan ini disebabkan menyusutnya aliran wang tunai orang ramai lebih-lebih lagi di kalangan penduduk kelas sederhana yang merupakan pelanggan utama perniagaan kecil-kecilan seperti di pasar-pasar ini.

“Dengan aliran tunai yang rendah, bermaksud kuasa membeli juga semakin berkurangan. Justeru, tidak ada gunanya orang diramai digalakkan berniaga keti-

ka pengguna yang lain pula tidak mempunyai wang untuk berbelanja,” katanya.

Apa yang sewajarnya menjadi tumpuan kerajaan ketika ini tambah Ahmad Kamil, ialah meningkatkan aliran tunai di kalangan rakyat seterusnya mengembalikan semula kuasa membeli.

Perkara itu boleh dicapai menerusi beberapa kaedah antaranya mengurangkan jumlah potongan gaji bulanan terutamanya di kalangan kakitangan awam dalam kelas pendapatan sederhana.

Turut berpendapat pengurangan potongan caruman Wang Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP) adalah antara langkah yang wajar dilaksanakan, beliau menambah, kerajaan juga boleh menimbang untuk menjadualkan semula pembayaran semula pinjaman kakitangan awam seperti pinjaman perumahan, kenderaan atau peribadi.

“Malah, institusi perbankan atas dasar tanggungjawab sosial terhadap masyarakat juga boleh bekerjasama dengan kerajaan dalam meringankan beban rakyat dengan memanjangkan tempoh bayaran semula pinjaman atau mengurangkan kadar faedah pinjaman sedia ada,” katanya.

**AHMAD
KAMIL**
Pensyarah
UiTM